

Malaysia kutuk serangan di Iran

Dalang insiden letupan bom mesti dibawa ke pengadilan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia membantah dan mengecam serta mengutuk tegas sebarang bentuk keganasan ke atas individu tidak berdosa, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, amat menyedihkan tatkala beberapa bom dilaporkan meledak di Wilayah Kerman, Iran kelmarin. Ia merenggut hampir 100 nyawa tidak berdosa dan mencederakan lebih 200 yang lain.

"Sehubungan itu, Malaysia membantah dan mengecam serta mengutuk tegas sebarang bentuk keganasan ke atas mereka yang tidak berdosa," katanya menerusi Facebook, semalam.

Katanya, Malaysia mengutus takziah kepada negara sahabat Republik Islam Iran dan warganya, di samping turut berasa dukacita dan bersolidariti.

Malaysia juga menggesa dalang aksi ganas ini diheret ke muka pengadilan.



Anggota penyelamat membantu mangsa yang cedera dalam insiden pengeboman di Kerman, Iran, semalam.

(Foto REUTERS)


Perdana Menteri berkata, sudah hampir tiga bulan dunia menyaksikan pembantaian Israel ke atas mereka tidak berdosa di Palestin dan yang terbaru di Lubnan dua hari lalu.

"Di tahun baharu ini, Malaysia ingin mengajak dunia untuk ikut membantah budaya ganas dan rakuks dan selamatkan kemanusiaan sejagat," katanya.

84 maut, ratusan cedera

Dua letupan mengorbankan 84 orang dan mencederakan ratu-

Malaysia mengutus takziah kepada negara sahabat Republik Islam Iran dan warganya, di samping turut berasa dukacita dan bersolidariti



Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri

san yang lain pada satu majlis bagi memperingati komander Qassem Soleimani yang terbunuh dalam serangan dron Amerika Syarikat (AS) pada 2020 di Iran, menurut pihak berkuasa Iran.

Mereka mendakwa ia tindakan 'pengganas', namun perincian pihak mana bertanggungjawab tidak dinyatakan.

Televisyen Iran melaporkan letupan pertama, diikuti yang kedua selepas 20 minit, berlaku ketika acara ulang tahun keempat itu berlangsung di tanah perkuburan tempat Soleimani dikebumikan di bandar tenggara Kerman.

Tiada siapa yang mengaku bertanggungjawab atas letupan itu.

Seorang pegawai tidak dinamakan memberitahu agensi berita IRNA bahawa dua bahan letupan ditanam di sepanjang jalan menuju ke Tanah Perkuburan Kerman dan diletupkan dari jauh oleh pengganas.

Video disiarkan media negara Iran pula menunjukkan berpuh-puluh mayat berlumuran darah, berselerak dengan beberapa individu cuba membantu mangsa terselamat, sementara yang lain pula bergegas meninggalkan kawasan letupan.

84 maut letupan berkembar di Iran - Dunia 25